

**ROW DISCONTINUITY IN FRIDAY PRAYER: EVALUATING A *MARJŪH* OPINION
IN THE NATIONAL HAJJ MUZAKARAH RESOLUTION**

**ISU KETERPUTUSAN SAF SOLAT JUMAAT: ANALISIS PEMILIHAN PANDANGAN
MARJŪH DALAM RESOLUSI MUZAKARAH HAJI KEBANGSAAN**

Muhammad Afiq Kamaruzamanⁱ & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghaniⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. p151868@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan & Pengerusi Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nikrahim@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 26 August 2025

Revised: 27 September 2025

Accepted: 25 October 2025

Abstract	<p><i>Hajj is the fifth pillar of Islam, obligatory upon every Muslim who is physically and financially capable. Pilgrims travelling to Makkah often face severe overcrowding due to the massive influx of worshippers from around the world. This congestion presents various challenges, including difficulties in performing Friday prayer (ṣalāt al-Jumu‘ah) with properly connected rows (ṣufūf). In Malaysia, the Hajj Advisory Committee is responsible for issuing resolutions on pilgrimage-related matters through the National Hajj Muzakarah. This study aims to analyse the legal basis and justification for the adoption of a marjūh (less-preferred) opinion in the resolution concerning the discontinuity of rows during Friday prayer. The research employs a qualitative approach using content analysis of both primary and secondary sources. Data were collected from official Muzakarah resolutions, classical and contemporary juristic opinions, as well as relevant information from various online sources. The study finds that the National Hajj Muzakarah’s resolution on the issue of disconnected prayer rows is well-founded, pragmatic, and aligned with the principle of adopting marjūh views based on public interest (maṣlaḥah) within the contemporary hajj context.</i></p> <p>Keywords: Hajj, Obligatory, Pilgrims, Friday, Rows.</p>
Abstrak	<p><i>Ibadah haji merupakan rukun Islam kelima yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang berkemampuan, sama ada dari sudut fizikal mahupun kewangan. Namun begitu, jemaah haji yang berkunjung ke Mekah sering diuji dengan kesesakan luar biasa akibat kehadiran jutaan jemaah dari seluruh dunia. Keadaan ini menimbulkan pelbagai cabaran, termasuk kesukaran untuk menyempurnakan solat Jumaat dalam keadaan saf yang sempurna dan bersambung. Di Malaysia, Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji berperanan memutuskan resolusi berkaitan isu-isu ibadah haji melalui Muzakarah Haji Kebangsaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis asas dan justifikasi syarak terhadap pemilihan pandangan marjūh dalam resolusi yang berkaitan dengan isu keterputusan saf solat Jumaat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dengan merujuk</i></p>

	<p>sumber primer dan sekunder. Data dikumpulkan daripada dokumen rasmi resolusi muzakarah, pandangan fuqaha klasik dan kontemporari, serta maklumat sokongan daripada pelbagai sumber dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan berkaitan keterputusan saf solat Jumaat mempunyai asas yang kukuh, bersifat praktikal serta menepati kaedah pengambilan pandangan <i>marjūh</i> yang disandarkan kepada masalah jemaah haji dalam konteks semasa.</p> <p>Kata kunci: Haji, Wajib, Jemaah Haji, Jumaat, Saf.</p>
--	---

PENDAHULUAN

Ibadah haji merupakan rukun Islam kelima yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang berkemampuan, sama ada dari sudut fizikal mahupun kewangan. Allah SWT berfirman:

﴿وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا﴾

Maksudnya, "Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah Haji dengan mengunjungi Baitullah, bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya" (al-Quran. Āli 'Imrān: 97).

Saban tahun, kewajipan ini menyaksikan perhimpunan terbesar umat Islam dari seluruh dunia di Tanah Suci Mekah. Menurut data yang diperolehi daripada Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi, jumlah jemaah haji mencecah hampir dua juta orang setiap tahun selepas fasa pandemik. Kesesakan ini bukan sahaja menjejaskan kelancaran pergerakan jemaah, malah turut mewujudkan cabaran besar dalam pelaksanaan ibadah-ibadah tertentu, terutamanya solat Jumaat di Masjidil Haram.

Bilangan jemaah yang terlalu ramai menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak dapat memasuki kawasan masjid, lalu terpaksa menunaikan solat di lokasi alternatif seperti kaki lima jalan dan bahkan di bawah jambatan, sebagaimana yang dirakam dalam laporan media tempatan seperti Astro Awani.¹ Salah satu isu fiqh yang timbul hasil daripada keadaan ini ialah keterputusan saf solat Jumaat.

Disebabkan kesesakan yang luar biasa, sebahagian jemaah memilih untuk menunaikan solat Jumaat di surau-surau hotel sekitar Masjidil Haram. Bahkan, ada makmum yang jaraknya dengan barisan akhir bangunan masjid telahpun melebihi 300 hasta (135 meter). Menurut pandangan mazhab Syafii yang sering menjadi keutamaan dalam membuat keputusan hukum di Malaysia, situasi ini menyebabkan saf dianggap terputus dan solat Jumaat tidak sah kerana tidak memenuhi syarat sah berjemaah. Namun jika dilihat kepada realiti pada hari ini, keadaan sebegini amat sukar dielakkan.

Faktor kesesakan, tempat, binaan fizikal, laluan awam dan kawalan keselamatan menyebabkan keterputusan saf berlaku secara meluas. Hal ini menimbulkan persoalan tentang kesahan solat Jumaat yang ditunaikan dalam keadaan sedemikian. Bagi menangani realiti ini, Muzakarah Haji Kebangsaan yang dianggotai oleh Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji telah memutuskan satu resolusi yang menerima pandangan *marjūh* (pandangan yang lebih lemah berbanding *rājih*) dalam isu keterputusan saf solat Jumaat. Pendekatan ini diambil dengan mempertimbangkan realiti dan masalah jemaah haji Malaysia.

Pemilihan ini menimbulkan perbincangan serta persoalan dari sudut metodologi ijtihad dan justifikasi syarak yang digunapakai. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis asas pemilihan pandangan *marjūh* dalam resolusi tersebut dan menilai sejauh mana pendekatan ini selari dengan pendekatan *al-'amal bi al-marjūh* yang dilihat sangat berkait rapat dengan praktis yang dijalankan dalam Resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan.

¹ Laporan video Astro Awani yang dimuat naik ke laman Instagram rasmi @501awani merakam situasi jemaah haji Malaysia dan antarabangsa menunaikan solat Jumaat di bawah jambatan akibat kesesakan luar biasa di sekitar Masjidilharam. Lihat: *Astro Awani*, 501awani (Instagram), https://www.instagram.com/reel/DKRr_D1oPrM/.

Kosep *al-‘Amal bi al-Marjūh*

Istilah *al-marjūh* merupakan terma yang sangat penting bagi memahami konsep *al-‘amal bi al-marjūh*, bahkan ia merupakan nadi utama bagi konsep tersebut. Ini kerana kefahaman yang jitu terhadap istilah *al-marjūh* akan menentukan bagaimana konsep tersebut diimplementasikan dalam pelbagai isu fiqh. Justeru, adalah sangat wajar untuk dijelaskan terlebih dahulu definisi *al-marjūh* sebelum definisi *al-‘amal bi al-marjūh* pula dinyatakan.

Al-marjūh secara bahasa merupakan *ism mafūl* (kata terbitan pasif). Ia berasal daripada perkataan *rajaḥa* (رَجَحَ) yang mempunyai pelbagai maksud. Antara maksudnya ialah berat, cenderung dan kuat. (al-'Arabiyyah, t.th; al-Zabidiyy, 2001; Manzur, 1968). Berdasarkan maksud dari segi bahasa bagi frasa *rajaḥa*, dapat disimpulkan bahawa *al-marjūh* ialah sisi yang lemah atau yang ditinggalkan, kerana antonimya iaitu *al-rājih* ialah sisi yang kuat dan yang diambil. Dari segi istilah usul fiqh pula, *al-marjūh* bermaksud pandangan yang dalilnya lebih lemah berbanding pandangan yang berlawanan dengannya (al-Zarkhasi, 1994).

Dalam kajian ini, *al-marjūh* merujuk kepada pandangan-pandangan yang tidak dinilai sebagai muktamad oleh mazhab Syafii dek kelemahan dalilnya, sama ada ia salah satu pandangan dalam mazhab Syafii sendiri atau merupakan pandangan dalam mazhab-mazhab muktabar yang lain. Hal ini kerana dalam konteks Malaysia, semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan secara khusus pemakaian mazhab Syafii dalam enakmen majlis agama Islam masing-masing kecuali negeri Perlis (Azhar et al., 2022).

Berkenaan dengan istilah *al-‘amal bi al-marjūh* pula, ia merupakan istilah baharu yang tidak pernah dikupas secara khusus dalam mana-mana kitab silam. Namun ia kini telah mendapat perhatian dalam kalangan sarjana, meskipun mereka menggunakan istilah yang berbeza-beza. Ia dapat dijelaskan melalui rajah berikut:

Istilah	Definisi	Pengkaji (Tahun)
<i>Al-‘amal bi al-marjūh</i>	Peralihan mujtahid, mufti atau <i>qādī</i> daripada pendapat <i>rājih</i> kepada pendapat <i>marjūh</i> dalam sesuatu permasalahan fiqh yang khusus setelah mendapati justifikasi syarak yang signifikan untuk melakukan peralihan.	Layla (2023)
<i>Al-iftā' bi al-marjūh</i>	Peralihan seseorang yang berfatwa daripada pendapat atau mazhab yang <i>rājih</i> (kuat) kepada pendapat yang <i>marjūh</i> (lemah) dalam proses pefatwaan, dengan alasan maslahat yang dianggap lebih utama	Helmi (2022)
<i>Al-iftā' bi al-mafḍūl</i>	Peralihan seseorang yang berfatwa daripada amalan yang lebih utama kepada yang kurang utama, berdasarkan maslahat yang menurutnya lebih diutamakan.	Al-Raysuni (2018)

Rajah 1: Istilah-istilah yang menyerupai konsep *al-‘amal bi al-marjūh*

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan bagi istilah-istilah tersebut, sebuah definisi yang inklusif dan jelas bagi konsep *al-‘amal bi al-marjūh* dapat dibina, iaitu “suatu pendekatan dalam penghasilan hukum yang melibatkan peralihan daripada suatu

pendapat atau mazhab yang *rājih* (kuat) kepada pendapat yang *marjūh* (lemah), berdasarkan pertimbangan maslahat yang lebih besar dan diiktiraf oleh syarak.”

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Kajian kualitatif ialah kajian yang menumpukan kepada pemahaman mendalam tentang isu yang dikaji (Liamputtong 2014). Kajian ini juga tidak menekankan kepada saiz sampel yang besar tetapi kepada kekayaan dan kedalaman data bagi topik yang dikaji (Fauziah, Khadijah, & Nazirah 2023).

Sumber primer atau skunder yang berautoriti seperti kitab-kitab muktabar yang ditulis oleh ilmuan silam dan kontemporari, artikel daripada jurnal, dokumen rasmi resolusi muzakarah, dan laporan akhbar secara atas talian telah dipilih sebagai sumber rujukan. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan konsep yang ingin dikaji. Analisis data merupakan bahagian paling kritikal dan mencabar bagi kajian kualitatif (Creswell, 2018). Dapatan-dapatan tersebut kemudiannya dirumuskan dalam hasil dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Realiti Kesesakan Jemaah Haji dari Seluruh Dunia

Ibadah haji merupakan perhimpunan tahunan terbesar umat Islam. Ribuan manusia dari pelbagai negara membanjiri Mekah dengan satu tujuan, iaitu demi menyempurnakan rukun Islam kelima. Walaupun ibadah ini melambangkan kesatuan dan persaudaraan Islam, pada hakikatnya ia juga terdedah kepada cabaran fizikal dan logistik yang sangat besar, khususnya berkaitan pengurusan ruang, pergerakan jemaah, serta pelaksanaan ibadah.

Kesesakan yang berlaku saban tahun merupakan fenomena yang tidak dapat dielakkan. Sejak dunia beralih daripada fasa pandemik ke fasa pemulihan, jumlah jemaah haji kembali meningkat. Statistik rasmi menunjukkan lonjakan ketara dalam jumlah jemaah dari tahun ke tahun. Rajah berikut menggariskan bilangan jemaah haji dari tahun 2019 hingga 2025 berdasarkan data sahih daripada pihak berkuasa Arab Saudi dan sumber media antarabangsa:

Tahun	Anggaran Jumlah Jemaah Haji
2019	±2.49 juta
2020	±10,000
2021	±58,745
2022	±899,353
2023	1,845,045
2024	1,833,164
2025	1,673,230

Rajah 2: Statistik jumlah jemaah haji 2019–2025.

Sumber: General Authority for Statistics; Ministry of Hajj and Umrah; Associated Press.

Dengan jumlah jemaah yang mencecah hampir dua juta orang, kawasan Masjidil Haram pada hari Jumaat bertukar menjadi medan kesesakan yang luar biasa. Ribuan jemaah dilihat menunaikan solat di luar kawasan masjid utama, sama ada di kaki lima, jalan-jalan sekitar, bahkan di bawah jambatan seperti yang dipaparkan secara visual oleh Astro Awani (2025, Jun), yang mencetuskan perhatian masyarakat terhadap realiti semasa musim haji. Lebih membimbangkan, cuaca ekstrem turut menguji ketahanan jemaah.

Ketika musim haji 2024, suhu melonjak hingga mencecah 50°C. Menurut laporan Associated Press (2024), tragedi panas melampau ini telah meragut lebih 1,300 nyawa akibat strok haba, manakala lebih 2,700 jemaah dilaporkan mengalami keletihan haba yang serius dan memerlukan rawatan perubatan segera. Situasi ini menyebabkan kerajaan Arab Saudi memperkenalkan langkah kawalan yang lebih tegas.

Seramai 269,678 individu tanpa permit haji telah dihalang daripada memasuki kota Mekah menjelang musim haji 2025, sebagai langkah membendung kesesakan (U.S. News, 2025; PBS, 2025). Di samping itu, teknologi seperti dron pemantau, sistem kawalan suhu, dan larangan membawa kanak-kanak turut diperkenalkan bagi memastikan tahap keselamatan dan ketertiban sepanjang ibadah berlangsung (Time, 2025).

Dalam konteks fiqh, fenomena kesesakan ini agak menggusarkan hati para jemaah kerana ia membawa implikasi terhadap kesahan solat Jumaat. Menurut mazhab Syafii, sekiranya imam dan makmum berada di dua bangunan yang berbeza dan saf terputus lebih daripada 300 hasta (135 meter), maka saf menjadi terputus sekaligus menyebabkan solat Jumaat terbatal; kerana berjemaah merupakan syarat sah solat Jumaat. Situasi ini menuntut pelbagai pihak untuk turut terlibat sama bagi menghasilkan satu natijah yang dapat menghilangkan kekusaran dalam diri para jemaah.

Resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan berkaitan Isu Keterputusan Saf Solat Jumaat

Kesesakan luar biasa yang dialami jutaan jemaah haji setiap musim haji bukan hanya memberi cabaran dari sudut pengurusan pergerakan dan logistik, malah turut menimbulkan persoalan hukum berkaitan pelaksanaan ibadah tertentu, khususnya solat Jumaat di Masjidil Haram. Realiti ini telah diperincikan dalam subtopik terdahulu yang membentangkan data bilangan jemaah haji serta gambaran semasa di kawasan sekitar Masjidil Haram. Oleh sebab itulah, isu keterputusan saf menjadi satu persoalan fiqh yang memerlukan perhatian serius.

Dalam konteks amalan umat Islam di Malaysia yang majoritinya berpegang kepada mazhab Syafii, saf solat Jumaat yang terputus melebihi jarak tiga ratus hasta (135 meter) akan menjejaskan kesahan solat Jumaat. Namun, keadaan di Masjidil Haram yang padat serta adanya halangan fizikal seperti jalan raya, laluan keselamatan, hotel bertingkat, dataran dan kawasan di bawah jambatan menyebabkan ramai jemaah terpaksa menunaikan solat dalam kelompok yang terpisah daripada imam.

Menyedari keperluan menangani realiti ini secara praktikal, Muzakarah Haji Kebangsaan yang dianggotai oleh Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji telah menggubal beberapa resolusi bagi memandu jemaah Malaysia. Antara ketetapan penting ialah Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-39 (1444H/2022M) yang memutuskan bahawa: *“Jemaah haji boleh menunaikan Solat Jumaat mengikut imam di Masjidil Haram ketika kesesakan sehingga terhalang dan menyebabkan terputus saf yang melebihi 300 hasta (135 meter) asalkan mereka mendengar secara langsung suara imam atau mengetahui pergerakan imam dari satu rukun ke satu rukun yang lain. Ini adalah berdasarkan pandangan Mazhab Maliki dan Hanbali”*.

Seterusnya, Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-40 (1445H/2023M) turut memperluaskan garis panduan dengan memutuskan bahawa:

“Ketika keadaan yang sangat sesak di Masjidil Haram seperti waktu kemuncak haji dan solat Jumaat, diharuskan solat berjemaah di surau hotel dengan berimam kepada Imam Masjidil Haram. Keharusan ini dengan dua syarat:

- a. Hotelnya bersambung dengan dataran Masjidil Haram; dan*
- b. Ketika berdiri, jemaah di surau hotel dapat melihat orang yang sedang solat berjemaah di dalam Masjidil Haram atau di datarannya.*

Bagi hotel yang tidak memenuhi syarat-syarat 10(a) dan (b) di atas, juga diharuskan solat berjemaah di surau hotel itu dengan berimam kepada Imam Masjidil Haram jika memenuhi dua syarat berikut:

- a. Orang-orang yang berdiri solat di surau hotel itu dapat melihat orang yang sedang bersolat jemaah mengikut Imam Masjidil Haram di jalanan atau kaki lima; dan*
- b. Orang-orang bersolat di jalanan atau di kaki lima itu berada di saf-saf yang bersambungan hingga ke Masjidil Haram.*

Walaupun diharuskan solat di surau hotel berimamkan Imam di Masjidil Haram dalam situasi yang dinyatakan di atas, adalah lebih afdhhal untuk turun berjemaah bersama Imam di

kawasan masjid berbanding solat di surau hotelolat berjemaah di dalam Masjidil Haram atau di datarannya”.

Pandangan Fuqaha

Antara syarat sah solat berjemaah ialah tiada pemisah yang ketara antara imam dan makmum. Syarat ini secara umumnya disepakati oleh para fuqaha, meskipun terdapat perbezaan pandangan pada perinciannya (Kuwait, 1986). Majoriti fuqaha membezakan situasi sama ada makmum berada di dalam masjid atau di luar masjid dari segi jarak yang boleh memutuskan kesinambungan antara imam dan makmum.

Majoriti fuqaha (ulamak mazhab Hanafi, Syafii dan Hanbali) berpendapat bahawa jika makmum dapat melihat imam atau makmum lain yang berada di belakang imam, atau dapat mendengar takbir dan kedua-duanya berada dalam masjid yang sama, maka solat berjemaah itu tetap sah meskipun jarak antara mereka jauh (al-Bahuti, 1968; al-Shirbini; Nizamuddin). (al-Bahuti, 1968; al-Shirbini; Nizamuddin).

Bagi makmum yang berada di luar masjid, mazhab Hanafi menetapkan bahawa sekiranya jarak antara makmum dan imam adalah pada kadar dua saf, maka saf dianggap telah terputus, melainkan ketika solat sunat hari raya. Manakala menurut mazhab Syafi'i, saf hanya dianggap terputus jika jarak antara makmum dan imam melebihi 300 hasta, bersamaan kira-kira 135 meter. Al-Shirbīnī menjelaskan bahawa pengiraan jarak ini bermula dari hujung kawasan masjid, bukan dari hujung saf makmum yang berada di dalamnya.

Mazhab Hanbali pula hanya mensyaratkan makmum di luar masjid hendaklah dapat melihat imam atau sebahagian makmum yang sedang mengikuti imam. Mazhab Maliki pula mengambil pendekatan yang agak berbeza dan agak ringan berbanding majoriti fuqaha. kerana mereka tidak membezakan antara keadaan di dalam masjid dan di luar masjid. Mereka juga tidak menetapkan had jarak tertentu antara imam dan makmum.

Mereka berpendapat bahawa solat berjemaah tetap sah sekiranya makmum dapat melihat imam atau makmum lain, atau sekurang-kurangnya mendengar suara imam, meskipun melalui perantara seperti *muballigh*.² Perbezaan pendapat ini menjadi asas pertimbangan Muzakarah Haji Kebangsaan dalam memutuskan resolusi berkaitan kesahan saf solat Jumaat jemaah Malaysia di Masjidil Haram, terutamanya apabila berlaku kesesakan luar biasa yang menjadikan pelaksanaan pandangan mazhab Syafii sukar dipraktikkan sepenuhnya.

Parameter Penggunaan Pendapat *Marjūh*

Ketiadaan parameter yang jelas dalam penggunaan konsep *al-‘amal bi al-marjūh* menimbulkan pelbagai cabaran dalam memastikan keputusan hukum yang dikeluarkan konsisten, sahih dan relevan. Menurut al-Raysuni (2018), pendekatan ini merupakan kaedah pengecualian yang hanya boleh diaplikasikan apabila didasari oleh parameter yang kukuh. Ibn Qayyim al-Jawziyah (2002) turut menegaskan bahawa amalan pengeluaran hukum tidak boleh dilaksanakan melainkan setelah melepasi dua proses utama: memahami *al-wāqi‘* (realiti semasa) dan memahami hukum syarak”.

Helmi (2022) turut menyatakan bahawa pendekatan ini adalah satu bentuk rukhsah daripada syarak yang memerlukan kawalan ketat agar tidak disalahgunakan. Ketiadaan parameter yang mantap bukan sahaja meningkatkan risiko pengabaian terhadap *maṣlaḥah*, malah boleh mencetuskan ketidakpastian dalam masyarakat serta menimbulkan persoalan terhadap kredibiliti Muzakarah Haji Kebangsaan. Sehubungan itu, membangunkan kerangka parameter yang jelas adalah langkah penting bagi memastikan sebarang penggunaan pandangan *marjūh* dilakukan secara tertib dan berpandukan disiplin ijtihad.

Parameter penggunaan pandangan *marjūh* boleh dirumuskan seperti berikut:

² *Muballigh* ialah makmum yang berperanan menyampaikan pergerakan imam kepada makmum lain melalui suara, iaitu dengan menyaringkan takbir ketika imam mengubah pergerakan daripada satu rukun ke rukun yang lain.

1. Parameter dari Sudut Penggubal Polisi

- Seorang yang adil menurut syarak
- Menguasai ilmu-ilmu berkaitan syarak
- Pemahaman yang jelas terhadap isu serta konsekuensi penggunaan pandangan *marjūh* (*ma'ālāt al-af'āl*)

Syarat-syarat tersebut kebiasaannya dinyatakan oleh para ulama usul fiqh ketika menghuraikan ciri-ciri mujtahid. Hal ini kerana penggunaan pendapat *marjūh* dalam penetapan hukum merupakan tanggungjawab yang hanya layak dipikul oleh para mujtahid. Perkara ini dijelaskan oleh al-Shātibī ketika beliau ditanya mengenai periwiyatan pendapat yang *ḍa'īf* (lemah). Beliau berkata:

مراعاة الأقوال الضعيفة أو غيرها شأن المجتهدين من الفقهاء

Maksudnya, “Meraikan pendapat lemah atau tidak merupakan tugas fuqaha yang mujtahid” (al-Wansharisi, 1981).

2. Parameter Berkaitan Pendapat *Marjūh*

- Tidak menyanggahi ijmak dan tidak dikategorikan sebagai *syādh*
- Dinisbahkan secara sah kepada fuqaha

Hal ini kerana bukan setiap pandangan dalam urusan hukum-hakam itu diiktiraf. Imam al-al-Shirwani (t.th) menegaskan:

وليس كل خلاف جاء معتبرا ... إلا خلاف له خط من النظر

Maksudnya, “Bukanlah setiap *khilaf* itu merupakan *khilaf* yang muktabar, melainkan *khilaf* yang sememangnya layak diberi perhatian.”

3. Parameter dari Sudut Metode Pelaksanaan

- Justifikasi penggunaan pendapat *marjūh* benar-benar wujud
- Justifikasi adalah pada tahap *ḍarūriyyāt* atau *ḥājīyyāt*, bukan *taḥsīniyyāt*
- Menyebutkan sebab penggunaan pendapat *marjūh*
- Penggunaan pendapat *marjūh* hanya terhad pada tempoh dan kawasan tertentu

Ramai sarjana menegaskan bahawa penggunaan pendapat *marjūh* merupakan suatu kaedah pengecualian (Al-Raysuni, 2018; Helmi, 2012; Layla, 2023). Oleh itu, ia hanya dibenarkan apabila wujud justifikasi pada tahap *ḍarūriyyāt* atau *ḥājīyyāt*. Penggunaannya juga terhad kepada tempoh dan kawasan tertentu sahaja. Hal ini selari dengan kaedah fiqh yang menyatakan:

الضرورة تقدر بقدرها

Maksudnya, “Keadaan darurat diukur mengikut kadarnya” (al-Suyuti, 2007).

Kesemua parameter ini berfungsi sebagai panduan asas yang menjamin penggunaan pendekatan *al-‘amal bi al-marjūh* dilaksanakan dengan teratur, berpandukan disiplin ijtihad yang sah, dan terhad kepada keperluan yang sebenar. Pemeliharaan parameter ini dapat memastikan tujuan menjaga *maṣlahah* serta menegakkan *maqāṣid al-sharī‘ah* tercapai sebagaimana dituntut oleh syarak, di samping memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap ketelusan keputusan hukum yang dihasilkan serta memelihara kredibiliti Muzakarah Haji Kebangsaan.

Analisis Pemilihan Pandangan *Marjūh* dalam Isu Keterputusan Saf Solat Jumaat

Pelaksanaan ibadah haji yang menghimpunkan jutaan umat Islam di Tanah Suci amat menuntut pendekatan fiqh yang realistik dan sesuai dengan situasi semasa. Ini selari dengan kenyataan Ibn Qayyim al-Jawziyah (2002) yang menekankan bahawa amalan pengeluaran hukum hendaklah mengambil kira realiti semasa (*al-wāqi‘*) selain daripada kefahaman

terhadap hukum syarak. Kesesakan yang berlaku terutama pada hari Jumaat menjadikan isu keterputusan saf sesuatu yang sukar dielakkan.

Dalam situasi ini, penerapan pandangan *rājih* menurut mazhab Syafii berpotensi membebaskan para jemaah, serta menimbulkan kekusaran berkaitan kesahan solat Jumaat yang mereka laksanakan. Bagi menangani cabaran ini, Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji telah berperanan sebagai badan penggubal yang mengeluarkan keputusan hukum secara kolektif melalui mekanisme *ijtihad jamā'ī*.

Ijtihad jama'ī merujuk kepada usaha yang dicurahkan oleh suatu kelompok ilmuan untuk melakukan penelitian dan perbincangan berasaskan kaedah ilmiah berteraskan ilmu usul, dengan tujuan untuk mengistinbat atau mengaplikasikan hukum syarak sama ada secara akli atau naqli, sama ada yang *qat'ī* mahupun *ẓannī* (Abdoul Hamid & Wan Mohd, 2025).

Dalam konteks resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan berkaitan isu keterputusan saf solat Jumaat, pendekatan kolektif ini sangat signifikan kerana ia melibatkan penilaian pelbagai pakar dari pelbagai sudut, termasuk fiqh mazhab, realiti di lapangan, masalah awam serta cabaran teknikal di Masjidil Haram. Berdasarkan pertimbangan tersebut, Muzakarah Haji Kebangsaan telah memutuskan untuk menerima pakai pandangan *marjūh*, iaitu pandangan mazhab Maliki dan Hanbali yang dianggap lebih ringan berbanding pandangan *rājih* mazhab Syafii, yang menetapkan jarak antara makmum di luar masjid dengan hujung masjid tidak melebihi 300 hasta (kira-kira 135 meter).

Namun menurut al-Sa'dānī (202), pemilihan pandangan *marjūh* mestilah didasari oleh justifikasi syarak, dan ia bukanlah suatu amalan yang berasaskan tuntutan hawa nafsu semata-mata. Bahkan Al-Subki (2004) telah lebih awal menegaskan hal tersebut. Beliau berkata:

المفتي على مذهب إذا أفتى بكون الشيء واجبا أو مباحا أو حراما على مذهبه - حيث يجوز للمقلد للإفتاء -
يحسن أن يقال: ليس له أن يقلد غيره ويفتي بخلافه لأنه حينئذ محض تشبه اللهم إلا أن يقصد مصلحة دينية
فنعود إلى ما قدمناه ونقول بجوازه

Maksudnya, "Seorang mufti yang berpegang pada suatu mazhab, apabila dia berfatwa bahawa sesuatu perkara itu wajib, harus atau haram menurut mazhabnya -berdasarkan pandangan yang membenarkan pentaklid berfatwa- maka wajar dikatakan: dia tidak diharuskan untuk bertaklid kepada mazhab lain lalu mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan mazhabnya, kerana hal itu hanyalah suatu bentuk peniruan semata-mata. Kecuali jika dia bertujuan untuk mencapai suatu masalah agama, maka ia kembali kepada apa yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu kami berpendapat bahawa ia diharuskan."

Dari sudut justifikasi syarak, terdapat beberapa asas yang mengukuhkan resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan terkait isu keterputusan saf solat Jumaat. Pertama, kesesakan para jemaah haji sepertimana yang telah dihuraikan pada subtopik sebelum ini mengandungi *hājah* (keperluan) untuk beramal dengan pandangan *marjūh*. *Hājah* merujuk kepada sesuatu perkara yang akan menyebabkan kepayahan dan kesukaran sekiranya ia tidak dilaksanakan (al-Sa'dānī, 2024).

Hal ini kerana jika pandangan *rājih* kekal digunapakai, nescaya ia akan menyebabkan kepayahan serta kesukaran kepada jemaah haji untuk menyempurnakan ibadah mereka. Data-data yang telah dinyatakan sebelum ini juga telah mengukuhkan lagi bahawa keadaan di Mekah ketika musim haji amatlah sesak, ditambah pula dengan cuaca yang sangat ekstrim dan berpotensi memudaratkan kesihatan para jemaah haji. Ini selaras dengan kaedah fiqh yang menyebutkan:

المشقة تجلب التيسير

Maksudnya, "Kesukaran akan mendatangkan kemudahan" (al-Suyuti, 2007).

Selain itu, keputusan ini juga amat bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyebutkan:

إذا ضاق الأمر اتسع

Maksudnya, “*Sekiranya sesuatu urusan menjadi sempit (sukar), maka (hukum) akan menjadi longgar (mudah)*” (al-Suyuti, 2007).

Seterusnya, keputusan ini juga dilihat bertepatan dengan prinsip-prinsip maqasid syariah, yang salah satunya adalah bertujuan memelihara nyawa (*hifz al-nafs*). Dalam keadaan jutaan jemaah berhimpun di satu kawasan yang terhad, jika semua jemaah memaksa diri memasuki ruang masjid bagi memastikan saf tidak terputus, maka akan berlaku himpitan manusia dan risiko rempuhan.

Insiden himpitan (*stampede*) adalah salah satu tragedi paling berbahaya yang boleh meragut banyak nyawa, sebagaimana sejarah pernah merekodkan kes-kes tragedi Mina dan terowong al-Mu‘āshim. Berpegang kepada Maqasid dapat membentuk pendekatan hukum Islam yang seimbang, realistik dan menyeluruh, serta menjamin kesesuaian dan keanjalannya menghadapi cabaran semasa, di samping tetap memelihara prinsip-prinsip teras agama (Abdul Manan et al., 2024).

Sebagai kesimpulan, pengeluaran resolusi oleh Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji melalui pendekatan *ijtihad jamā‘ī* (ijtihad secara kolektif) dalam isu keterputusan saf solat Jumaat jelas memperlihatkan kebijaksanaan fiqh semasa yang menitikberatkan realiti lapangan serta kepentingan menjaga maslahat umat. Keputusan untuk menerima pakai pandangan *marjūh* yang lebih ringan daripada pandangan *rājih* menurut mazhab Syafii adalah langkah berasaskan prinsip syarak, bukannya dilakukan secara sewenang-wenang atau atas dorongan hawa nafsu, sebagaimana ditegaskan oleh al-Subki dan ramai sarjana kontemporari.

PENUTUP

Secara tuntasnya, pelaksanaan ibadah haji yang menghimpunkan jutaan umat Islam saban tahun menuntut pendekatan hukum yang bersifat anjal, realistik dan selari dengan *maqāsid al-sharī‘ah*. Isu keterputusan saf solat Jumaat di Masjidil Haram menjadi contoh jelas bagaimana cabaran semasa boleh menuntut pemakaian pandangan *marjūh* demi menjaga kemaslahatan jemaah.

Keputusan hukum yang dikeluarkan oleh Muzakarah Haji Kebangsaan melalui mekanisme *ijtihad jamā‘ī* memperlihatkan usaha kolektif para ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji dalam menilai realiti di lapangan, prinsip fiqh, serta tujuan syarak secara holistik. Pendekatan ini membuktikan bahawa prinsip-prinsip usul dan kaedah fiqh klasik tetap relevan asalkan dilaksanakan dengan disiplin yang betul, berdasarkan justifikasi syarak seperti *hājah* dan *maṣlaḥah ‘āmmah*, serta memelihara objektif utama syarak seperti *hifz al-nafs*.

Dalam konteks ini, konsep *al-‘amal bi al-marjūh* bukanlah jalan mudah untuk mengabaikan pandangan muktamad mazhab, tetapi satu bentuk *rukḥṣah* yang terikat dengan parameter dan kerangka yang sahih. Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi rujukan berguna untuk memperkukuh tatacara pengeluaran keputusan hukum berkaitan ibadah haji pada masa hadapan, agar sentiasa berpaksikan disiplin *ijtihad* yang mantap, *maqāsid al-sharī‘ah* yang terpelihara, serta keyakinan umat Islam yang terus terjaga.

RUJUKAN

al-‘Arabiyyah, M. al-L. (t.th.). *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*.

al-Bahūtī. (1968). *Kashshāf al-Qinā‘* (Vol. 6). Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthiyyah.

al-Haytamī (t.th). *Tuḥfat al-Muḥtāj bi-Sharḥ al-Minhāj, ma‘a ḥāshiyat al-Shirwānī wa-al-‘Abbādī*. Dār al-Fikr.

al-Sa‘dānī. (2025). *Al-Iftā’ bi al-Qawl al-Ḍa‘īf fi al-Madzhab al-Syāfi‘ī*. Dar Usul al-Din.

al-Shirbīnī. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Dar al-Fikr.

- al-Subkī, T. al-D. A. ibn ‘A. al-K. (2004). *Fatāwā al-Subkī fī Furū‘ al-Fiqh al-Shāfi‘ī*.
al-Wansharīsī (1981). *al-Mi‘yār al-Mu‘rib wa-al-Jāmi‘ al-Mughrib ‘an Fatāwā Ahl Ifrīqiyyah wa-al-Andalus wa-al-Maghrib*. Wizārat al-Awqāf wa-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
al-Zabīdī. (2001). *Tāj al-‘Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*. Wizārah al-Irshād wa al-Anbā’ fī al-Kuwayt.
al-Zarkashī. (1994). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Dār al-Kutbī.
Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
Ibn Qayyim al-Jawziyyah, M. ibn A. B. (2002). *A‘lām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*.
Ibrahim, F., Alavi, K., & Hassan, N. (2020). *Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
Kuwait, K. Wizarah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah. (1986). *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Dzāt al-Salāl.
Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
Manzūr, I. (1968). *Lisān al-‘Arab*.
Nizāmuddīn. *Al-Fatāwā al-Hindiyyah*. Dar al-Fikr.
Suyūṭī, J. al-D. A. al-R. (2007). *Al-Ashbāh wa al-Nazā‘ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Shāfi‘iyyah*.

Jurnal

- al-Raysūnī. (2018). Al-Iftā’ bil Maḥḍul: Dirāsah Ta’šiliyyah fī Ḍaw’ Maqāšid al-Sharī‘ah. *Majalah al-Sharī‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 33(115).
Azhar, I., Lukman, & Amiri. (2022). Malaysia sebagai Negara yang Bermazhab: Satu Diskusi Awal. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 161–184.
Azhari, R., & Harun, A. S. (2019). Aplikasi Al-Taysīr Dalam Ibadat Haji dan Umrah Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan: The Practice of al-Taysīr in Ḥajj and ‘Umrah Based on the Resolutions of the National Ḥajj Muzakarah. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 225–252.
Hamid, A., & Mohd, W. (2025). Fiqh Councils and Their Role in Achieving the Objectives of Collective Ijtihad in Light of Maqāšid al-Sharī‘ah: Practical Proposals for the Malaysian Fatwa Department. *Al-Qanāṭir: International Journal of Islamic Studies*, 34(3), 132–154.
Harun, A. S. (2018). Taysīr Dalam Ibadat Haji dan Umrah: Kajian Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan (Publication Number 30597719) [Tesis Ijazah Sarjana, University of Malaya (Malaysia)]. *ProQuest Dissertations & Theses Global*.
Helmi. (2022). Al-Iftā’ bil Marjūh wa Tatbīqātuhu al-Mu‘āširah. *Majalah al-Sharī‘ah wa al-Qānūn*, 39(39), 29–133.
Layla. (2023). Al-‘Amal bi al-Marjūh fī Qaḍāyā al-Fiqhiyyah al-Mu‘āširah [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Batna 1].
Mahaiyadin, A., & Dasuqkhi. (2021). Analisis Keputusan Fatwa Tempatan Sewaktu Pandemik Covid-19 Menurut Kerangka Al-Tarakhkhus fī al-Fatwā: An Analysis of Local Fatwa Results During Covid-19 Pandemic According to Al-Tarakhkhus fī al-Fatwā Framework. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 111–130.
Manan, A., Irwan, Syukran, Azman, & Harifadilah. (2024). The Role of Maqāšid al-Sharī‘ah in Contemporary Fatwa Formulation: A Balanced Approach. *Al-Qanāṭir: International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 85–110.
Nik Airin, Azri Bhari, Mohd Faiz, & Zuhaili, M. (2023). Analisis Penggunaan Pendapat Marjūh Berbanding Pendapat Rājiḥ Menurut Perspektif Hukum Islam. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 16(1), 81–88.
Rahman, A. (2020). Al-‘Amal bi al-Qawl al-Marjūh: Ḥukmuhu wa Ḍawābiṭuhu. *Majallah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-Buḥūth al-Akādīmiyyah*, 15(99), 145–186.

Internet

- Associated Press. (2025, June 6). Hajj attendance falls to 30-year low excluding the COVID-19 pandemic. AP News. [newsweek.com+15apnews.com+15apnews.com+15](https://www.apnews.com) (diakses pada 14 Jun 2025)
- Associated Press. (2024). Hundreds died during this year's Hajj pilgrimage in Saudi Arabia amid intense heat, officials say. AP News. [apnews.com+12apnews.com+12politico.com+12](https://www.apnews.com) (diakses pada 14 Jun 2025)
- Associated Press. (2024). Muslim pilgrims resume symbolic stoning of the devil as they wrap up Hajj pilgrimage. AP News. [apnews.com+6apnews.com+6apnews.com+6](https://www.apnews.com) (diakses pada 14 Jun 2025)
- Astro Awani. (2025, June). Jemaah terpaksa menunaikan solat Jumaat di bawah jambatan akibat kesesakan. Instagram. https://www.instagram.com/reel/DKRr_D1oPrM/ (diakses pada 14 Jun 2025)
- General Authority for Statistics. (2024). Hajj statistics 2023–2024. <https://www.stats.gov.sa> (diakses pada 14 Jun 2025)
- Lembaga Tabung Haji. (2022, November 23). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-39. [http://prod-th-assets.s3.ap-southeast-1.amazonaws.com/pdf/tab-content/0/2022-11-23/RESOLUSI%20MHPK-KE%2039%20\(final\).pdf](http://prod-th-assets.s3.ap-southeast-1.amazonaws.com/pdf/tab-content/0/2022-11-23/RESOLUSI%20MHPK-KE%2039%20(final).pdf) (diakses pada 8 Jun 2025)
- Lembaga Tabung Haji. (2024, January 30). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-40. https://prod-th-assets.s3.ap-southeast-1.amazonaws.com/pdf/tab-content/0/2024-01-30/30012024_RESOLUSI%20MHPK-KE%2040%20v10.pdf (diakses pada 8 Jun 2025)
- Ministry of Hajj and Umrah Arab Saudi. (2025, June). Press release: Hajj pilgrims count 2025. <https://www.haj.gov.sa> (diakses pada 14 Jun 2025)
- Middle East Monitor. (2024, June). Over 1,300 die during Hajj 2024 due to extreme heat. Middle East Monitor. [apnews.com](https://www.middleeastmonitor.com) (diakses pada 14 Jun 2025)
- Time. (2025, June 4). Hajj begins with world's largest air conditioner, surveillance drones, and a ban on children. Time. [apnews.com+15time.com+15ap.org+15](https://www.time.com) (diakses pada 14 Jun 2025).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.